

# Dr M berharap ekonomi Jepun segera pulih dari kemerosotan

TOKYO, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan harapan agar ekonomi Jepun segera pulih dari kemerosotan yang berlanjutan, kata para pegawai Jepun di sini.

Beliau membuat ulasan itu waktu berbincang di jamuan makan malam bersama rakan sejawatnya Encik Yasuhiro Nakasone, malam tadi. Perdana Menteri tiba di sini semalam untuk lawatan tidak rasmi selama seminggu.

Pegawai-pegawai itu juga berkata Encik Nakasone memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir, import Jepun dari Asia Tenggara akan ber-

jumlah kerana pulihnya ekonomi dalam negeri ini.

Mereka menambah kata, Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan hubungan Jepun dan Asean 'sangat baik' dan memuji usaha-usaha diplomatik Encik Nakasone.

Pengumuman Encik Nakasone bahawa Jepun akan meningkatkan hubungannya dengan Asean ketika beliau melawat negara-negara anggota Asean akhir April hingga awal Mei tahun ini adalah dasar diplomatik yang sangat penting bagi negara-negara anggota Asean. — Bernama-Kyodo.